

Semporna daerah pengeluar rumpai laut negara: Noh

UB 04.11.2012 43

SEMPORNA: Kerajaan mengisyiharkan Semporna sebagai daerah pengeluar rumpai laut negara bersesuaian dengan potensi besar industri rumpai laut di daerah itu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, berkata program rumpai laut akan diletakkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) menteri bagi menjadikan rumpai laut sebagai program berimpak tinggi.

"Kita akan membuat perancangan rantaian nilai rumpai laut dimana bukan sahaja kita mencari kaedah-kaedah dan teknologi pegeluaran rumpai laut tetapi juga menambah nilai aktiviti huluhan seperti diproses untuk dijadikan kosmetik dan sebagainya.

"Jadi dengan adanya perancangan dan peruntukan ini, maka kita yakin menjelang 2020 kita dapat hasilkan sebanyak 900,000 tan rumpai laut bernilai RM1.4 bilion," katanya.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan majlis pelancaran Mini Maha Daerah Semporna dan pelancaran projek NKEA-



NOH (tengah) bersama Shafie (dua kiri) merasmikan pelancaran Mini Maha Daerah Semporna dan projek NKEA-EPP 3 Kluster Rumpai Laut Sabah kelmarin.

EPP 3 Kluster Rumpai Laut Sabah di Dewan Masyarakat Semporna di sini kelmarin.

Hadir sama Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal; Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Musbah Jamli dan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Ahmad Sabki Mahmood.

Tambahnya, dalam mencapai matlamat tersebut, kerajaan telah menyusun pelbagai program bagi melonjakkan industri rumpai

laut di daerah itu.

Katanya, sebanyak RM46 juta diperuntukkan bagi memulakan projek mini estet yang akan dikendalikan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) manakala sebanyak RM8.3 juta diperuntukkan melalui Jabatan Perikanan bagi melaksanakan program kluster.

"Dibawah program kluster ini kita akan menyalurkan bantuan terus kepada nelayan-nelayan sedia ada yang sedang membuat kerja secara tradisional yang akan dimanfaatkan 300 peserta,"

jelasnya

Menurutnya sebanyak RM13 juta diperuntukkan bagi program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) melibatkan rumpai laut dengan melantik beberapa pusat pengajian tinggi seperti UMS, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Bagi memperhebatkan lagi pembangunan rumpai laut di daerah ini pihaknya juga bercadang menubuhkan sebuah Institut Penyelidikan Rumpai Laut Negara di daerah ini," katanya.